



# MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD

(Company No. 201901044132 (1353462-M))

(Sebuah Anak Syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD 201901044132 (1353462-M) ("MRTS"), sebuah anak syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, adalah syarikat infrastruktur bagi pembinaan dalam Malaysia bagi Projek Rapid Transit System (RTS) Link.

MRTS mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian didalam RFP bagi perkhidmatan perundingan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)
<b>PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK)</b>  <b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE APPOINTMENT OF SUPERVISING CONSULTANT SERVICES FOR RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) PROJECT JOHOR BAHRU - SINGAPORE</b>  <b>RFP NO.: RFP/PD/Q03-2021</b>	<b>Memiliki sijil sah:</b>  Pendaftaran dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi <i>Engineering Consultant Practice (ECP)</i> ;  Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF);  <b>DAN</b>  Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	RM1,590.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh sahaja)  dalam bentuk  <b>Deraf Bank / Banker's Cheque</b>  Pembayaran kepada:-  <b>Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd 201901044132 (1353462-M)</b>	<b>Tarikh : Khamis, 15 April 2021</b> <b>Masa : 10.00 pagi</b> <b>Via : Aplikasi Zoom (Dalam Talian)</b>  Untuk menyertai Taklimat RFP, semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:- 1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ; 2. <a href="https://forms.gle/K8YniF62AZGE4QvA9">https://forms.gle/K8YniF62AZGE4QvA9</a> ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  Pra-pendaftaran akan bermula pada <b>Rabu, 7 April 2021 sehingga 13 April 2021</b> . Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.



Dokumen RFP boleh dibeli mulai **Jumaat, 16 April 2021 sehingga 22 April 2021** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	MASA JUALAN DOKUMEN RFP
<b>MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD</b>  Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2.00 petang – 5.00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 2:30 petang – 5.00 petang

Pembayaran bagi pembelian Dokumen RFP hanya boleh dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* pada amaun yang dinyatakan di dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd**. dan tidak dikembalikan.

Dokumen RFP yang lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri serta ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRTS, Jabatan Perolehan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Jumaat, 7 Mei 2021**. Mana-mana penyerahan lewat akan dibatalkan serta-merta.

Selain dari syarat-syarat di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

REKOD PENGALAMAN KERJA
1) Mempunyai rekod pengalaman kerja dilantik sebagai <i>Supervising Consultant</i> berkaitan projek keretapi.
KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
1) Dana Pemegang Saham dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir hendaklah positif

### Nota:

- Pembida adalah dipelawa daripada konsultan berpengalaman yang masih sah berdaftar seperti syarat RFP serta berkelayakan memenuhi kriteria mandatori.
- Pembida **WAJIB** menyertai sesi taklimat RFP secara dalam talian pada Tarikh dan masa seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Pembida juga **WAJIB** menghadiri sesi lawatan tapak pada tarikh, masa dan tempat yang akan diberitahu selepas tamat sesi taklimat RFP.
- Dokumen RFP akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pembida dibenarkan untuk meneliti Dokumen RFP sebelum membuat pembelian.
- Dokumen RFP hanya akan dijual kepada Pembida yang telah menyertai sesi taklimat RFP sahaja. MRTS **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen RFP sebelum dan / atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Dokumen RFP ini hanya akan dijual kepada wakil Pembida yang sah ("*bona fide*"). Untuk tujuan tersebut, wakil Pembida **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil beserta sijil pendaftaran yang masih sah dengan **Lembaga Jurutera Malaysia bagi Engineering Consultant Practise (ECP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) untuk mengesahkan kelayakan Pembida.
- Pembida hanya dibenarkan untuk menyertai RFP untuk satu (1) kali sahaja sama ada sebagai Syarikat Perseorangan atau Syarikat Usahasama (JV). Pembida yang didapati telah menyerahkan lebih dari satu (1) dokumen RFP akan secara automatik terbatal keseluruhan bidaannya.
- Joint Venture (JV) hanya dibenarkan diantara 2 firma perunding tempatan (ditubuhkan didalam negara), di mana sekurang-kurangnya salah satu firma JV mestilah memenuhi Syarat-syarat RFP dan Kriteria Mandatori. Pembida tidak dibenarkan menukar rakan JV setelah penyerahan Dokumen RFP dibuat.
- Kesemua Pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Dengan mengeluarkan kenyataan RFP ini, MRTS tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran paling rendah atau mana-mana cadangan.
- MRTS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my).